

# UKM sedia tawar kekosongan pada pelajar lepasi syarat minimum

Oleh [Ercy Gracella Ajos](#) - Oktober 23, 2023 @ 10:46pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman.

KUALA LUMPUR: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersedia menawarkan tempat kepada pemohon yang melepassi syarat minimum kemasukan berdasarkan merit pelajar yang memohon dan tertakluk kepada kekosongan yang ada.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Ekhwan Toriman, berkata secara umumnya, tahun ini UKM menawarkan lebih tempat ke program pengajian peringkat ijazah sarjana muda iaitu 4,528 berbanding unjuran asal 4,261, pertambahan sekitar 6.3 peratus.

Justeru, katanya, UKM bersedia menawarkan tempat kepada pemohon yang melepassi syarat minimum kemasukan berdasarkan merit pelajar yang memohon dan

tertakluk kepada kekosongan yang ada bersesuaian hasrat Menteri Pendidikan Tinggi.

"Di UKM, program kompetitif seperti bidang perubatan, pergigian, pendidikan dan undang-undang sudah diisi sepenuhnya.

"Kekosongan hanya membabitkan beberapa program saja dan penawaran boleh dibuka kepada mereka yang melepassi syarat minimum yang mana pemilihan calon berdasarkan merit kerana persaingan untuk tempat yang berbaki masih sangat kompetitif tertakluk kepada prosedur pemilihan semasa," katanya.

Semalam BH melaporkan semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diarah membuat tawaran segera kepada pelajar tempatan yang memohon untuk melanjutkan pengajian di tempat masing-masing.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dilaporkan berkata ia berikutan terdapat banyak kekosongan tempat di institusi terbabit bagi sesi akademik 2023/2024.